

KONSEP BARU MEMBELA NASIB DUNIA KETIGA

UM 16 AUG 1990

Oleh
Sirajuddin Rafia
YANG MELIPUTI LAWATAN
PM KE VENEZUELA

APABILA Suruhanjaya Selatan mengemukakan laporan akhirnya di Caracas pada 3 Ogos lalu, hampir keseluruhan negara membangun di Dunia Ketiga mulai lega. Ia menandakan berakhirnya usaha gigih selama lebih tiga tahun menilai dan mengkaji diri sendiri.

Walaupun ini merupakan suatu tugas yang amat rumit, tetapi hasilnya suatu landasan bergerak yang tersusun rapi telah dirangka ke arah menjamin nasib masa depan yang lebih sempurna bagi lebih dua pertiga daripada jumlah penduduk dunia.

Namun demikian, ia bukan merupakan suatu penyelesaian terhadap segala masalah yang dihadapi.

Tetapi kebanyakan negara sudah mulai merasa lega kerana penyakit yang menyiksa mereka selama ini sudah mula dikenalpasti. Ia kini cuma memerlukan usaha untuk mengubatnya sahaja.

Kalau istilah perubatan boleh digunakan, laporan tersebut merupakan suatu *diagnosis* lengkap yang disertakan pula dengan *prescription* yang tersusun rapi.

Apa yang diperlukan sekarang hanyalah kesungguhan dan kegigihan negara - negara Selatan untuk berusaha memenuhi *prescription* itu.

Inilah yang dianggap sebagai suatu nafas baru bagi negara - negara membangun.

Kerana, ia bererti sebahagian daripada penyakit kemunduran, kemiskinan, kedudukan ekonomi yang sering tergugat serta nasib masa depan yang tidak meyakinkan dan pelbagai lagi gejala yang dibawa oleh arus pergolakan kemajuan antarabangsa, sudah mula dapat disembuhkan.

Seperti kata setengah orang, pengakuan terhadap kelemahan diri adalah langkah permulaan ke arah kejayaan.

Orang yang paling gembira

Dalam hubungan ini, tentu sekali Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad merupakan orang yang paling gembira.

Beliau memang seharusnya bangga kerana segala apa yang diilhamkannya lebih empat tahun lalu sudah mula menjadi realiti.

Sejak dari dulu lagi Perdana Menteri menyedari hakikat bahawa negara - negara di Selatan mesti bergerak dan mencari jalan sendiri untuk mengharungi liku - liku pergolakan dunia.

Setelah percubaan pertama untuk mendapatkan dialog yang lebih bererti dengan negara - negara maju di Utara menemui kegagalan beberapa tahun lalu, keadaan semakin jelas kepada beliau bahawa negara - negara membangun perlu menggembelngkan tenaga sendiri.

Mereka harus membanting tulang dan berganding bahu untuk lahir sebagai suatu suara yang lebih dihormati untuk sama-sama memainkan peranan dalam mencorakkan hal ehwal antarabangsa dan menentukan nasib hidup masa depan manusia sejagat.

Beliau tidak mahu melihat negara - negara membangun terus berada dalam keadaan sedih mengenangkan untung nasib sendiri atau yang disebutkan *self-pity*.

Beliau tidak mahu melihat mereka terus terbenam dalam kemiskinan dan kemunduran, ditinggalkan oleh arus kemajuan dunia.

Kerana itulah beliau sering mengingatkan negara - negara Selatan bahawa tidak ada tangan yang dapat menghulurkan bantuan yang lebih bererti kepada mereka selain daripada bantuan yang berada di hujung tangan mereka sendiri.

"Memang sudah menjadi catatan sejarah bahawa tidak ada sesiapa yang dapat melakukan sesuatu yang lebih bernilai untuk kita daripada apa yang dapat kita lakukan sendiri," katanya.

Inilah falsafah utama yang dipegang oleh Dato' Sri Dr. Mahathir.

Falsafah mengilhamkan persidangan

Dan berpegang prinsip inilah Perdana Menteri mengilhamkan satu persidangan antarabangsa di Kuala Lumpur pada bulan Mei

Melalui pemikiran yang tinggi dan pandangan yang jauh Dr. Mahathir berjaya membawa Dunia Ketiga menghadapi masa depan yang lebih cerah dan lebih terjamin

1986 lalu yang dianggap sebagai langkah permulaannya.

Para pemimpin, tokoh - tokoh akademik dan para cendekiawan dari negara - negara Selatan telah bertemu di persidangan itu yang dianjurkan oleh Yayasan Dunia Ketiga dan ISIS.

Hasil persidangan itu suatu Pernyataan Kuala Lumpur dikeluarkan yang menegaskan betapa penting dan terdesaknya bagi negara Selatan menilai kembali kedudukan mereka dan mencorak laluan untuk masa depan.

Untuk tujuan itu persidangan tersebut menyarankan sebuah Suruhanjaya Bebas ditubuhkan.

Didorongkan oleh pernyataan inilah Perdana Menteri menghadiri sendiri Sidang Kemuncak Negara - Negara Berkecuali di Harare pada bulan September tahun yang sama.

Sebaik sahaja selepas majlis pembukaannya, Perdana Menteri terus terbang ke Dar-es-Salam untuk menjemput Presiden Julius

Nyerere menjadi Pengerusi Suruhanjaya Selatan itu.

Beliau kembali semula pada hari keempat persidangan itu dan terus membuat pengumuman mengenai penubuhan suruhanjaya tersebut yang mendapat sambutan paling menggalakkan sekali.

Kini segala titik peluh Perdana Menteri itu telah mula membuahkan hasil.

Setelah tiga tahun bertungkus lumus, 28 orang anggota suruhanjaya itu yang terdiri daripada para negarawan dan tokoh - tokoh antarabangsa dari 28 buah negara Dunia Ketiga sendiri, telah menggariskan secara terperinci segala kelemahan dan syor - syor untuk mengatasinya.

Laporan itu yang dianggap sebagai usaha murni yang disediakan oleh Selatan untuk Selatan sendiri, merangkumi pelbagai aspek yang kesemuanya berkisar kepada keperluan terhadap kerjasama erat di kalangan Selatan - Selatan sendiri ke arah menentukan *survival* mereka.

Walaupun laporan itu menandakan berakhirnya tugas suruhanjaya tersebut, tetapi ia juga menandakan bermulanya pula suatu tugas yang lebih berat bagi negara Selatan untuk melaksanakannya seberapa daya yang boleh.

Seperti kata Perdana Menteri sendiri, "perjalanan kita masih jauh dan saya yakin ia akan dilalui dengan penuh kegigihan."

Detik pembuka era baru

Tetapi walau apa pun, para pemerhati antarabangsa menganggapnya sebagai suatu detik yang telah membuka era baru dalam sejarah perjuangan negara - negara membangun untuk mendapatkan pengiktirafan antarabangsa.

Kalau dulu ia lebih banyak bercorak pertentangan, tetapi kini

perjuangannya berjalan di atas landasan yang lebih kukuh dengan mengukuhkan diri sendiri terlebih dahulu.

Malah inilah yang ditegaskan oleh Dato' Sri Dr. Mahathir sendiri.

Beliau berkata, memang tidak ada faedah yang diperolehi melalui sikap penentangan terhadap Utara.

Sebaliknya beliau menekankan bahawa negara - negara Dunia Ketiga yang sedang berusaha mengukuhkan kerjasama Selatan - Selatan itu sebenarnya bukan sekali - kali untuk menyusun konspiraasi terhadap Utara.

"Kami percaya kepada faedah menggembungkan tenaga untuk mengambil kesempatan daripada potensi kerjasama sesama sendiri.

"Sambil itu kami mencari jalan untuk membuka dialog dengan Utara supaya diberi peluang untuk turut bersuara dalam ehwal dunia yang menjadi milik bersama manusia sejagat," ujar beliau.

Inilah konsep baru perjuangan membela nasib masa depan negara - negara Dunia Ketiga yang dipelopori oleh Perdana Menteri.

Hasil daripada pandangan jauh beliau itu, negara - negara Selatan mengakui bahawa mereka kini benar - benar berada di atas landasan yang betul menuju masa depan yang lebih cemerlang.

Inilah jasa Dato' Sri Dr. Mahathir yang mungkin tidak begitu disedari oleh masyarakat Malaysia sendiri, tetapi diiktiraf oleh masyarakat antarabangsa sebagai suatu khidmat murni terhadap pembelaan nasib masa depan rakyat di negara - negara Selatan.

Maka tidak hairanlah kalau beliau merupakan satu-satunya pemimpin Dunia Ketiga yang diundang khas menghadiri sidang terakhir Suruhanjaya Selatan bagi pelancaran laporan terakhirnya itu di Caracas baru-baru ini.

Ia adalah tanda penghormatan di atas jasa - jasanya.

Tepukan gemuruh tanda penghargaan

Presiden Venezuela, Carlos Andres Perez bersama pengerusi suruhanjaya itu, Julius Nyerere dan 15 orang Menteri Luar dari 15 buah negara Kumpulan 15 bersama lebih 500 orang para jemputan telah bangun beramai - ramai memberikan tepukan gemuruh sebagai tanda penghargaan sebaik sahaja beliau mengakhiri ucapannya di majlis itu.

Dato' Sri Dr. Mahathir tentunya amat bangga dengan sanjungan demi sanjungan yang diberikan oleh masyarakat antarabangsa itu.

Malah Presiden Perez sendiri hinggakan menganggap beliau sebagai "wira kepada Dunia Ketiga."

Katanya, Dato' Sri Dr. Mahathir bukan sahaja merupakan pemimpin yang telah berjasa kepada rakyatnya sendiri di Malaysia bahkan kepada masyarakat antarabangsa.

Melalui sumbangan daya pemikiran yang tinggi dan pandangan yang jauh Dato' Sri Dr. Mahathir telah berjaya membawa negara - negara Dunia Ketiga untuk menghadapi masa depan yang lebih cerah dan lebih terjamin.

Dato' Sri Dr. Mahathir memang berbangga tetapi kebanggaannya bukan didorong oleh nafsu dan ego.